

## *Penerapan Penilaian untuk Pembelajaran dalam Penulisan Naratif*

**Nora Aziz**

nora\_aziz@moe.edu.sg

**Norhajjarrillah Abdul Baki**

norhajjarrillah\_abdul\_baki@moe.edu.sg

Sekolah Menengah St. Margaret's

### *Abstrak*

Kesilapan tatabahasa, kepelbagaiannya ragam ayat, kosa kata yang terhad dan penggunaan penanda wacana bagi kesinambungan ayat dan perenggan menjadi cabaran kepada pembelajaran seorang pelajar. Kesilapan ini sering dilakukan pelajar semasa melakukan latihan. Apa yang menjadi keprihatinan pengkaji, jika pelajar tidak menyedari kesilapan yang dilakukan, kelakonan pelajar tidak mampu dipertingkatkan. Kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan penerapan Penilaian untuk Pembelajaran (*Assessment for Learning*) melalui maklum balas dalam penulisan naratif pelajar. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan maklum balas sebagai wahana utama bagi memantau perkembangan kelakonan pelajar. Kajian berdasarkan bilik darjah ini melibatkan pelajar-pelajar Menengah 3 aliran Ekspres dan Normal Akademik yang menjadi fokus utama. Dapatkan kajian mendapati, pelajar mampu mempertingkatkan kelakonan mereka melalui proses memberikan maklum balas yang kerap dan relevan.

Kata Kunci: Penilaian untuk Pembelajaran, maklum balas, penilaian kendiri, penilaian rakan sebaya

## PENGENALAN

Penilaian untuk Pembelajaran didefinisikan sebagai satu proses penilaian yang menyampaikan maklumat penting yang berguna untuk guru dan pelajar. Guru dapat menggunakan maklumat tersebut untuk mengubah suai strategi pengajaran mereka di samping memantau pemahaman pelajar. Pelajar pula menggunakan maklumat tersebut untuk memantau pemahaman dan selanjutnya, mengubah suai pembelajaran mereka.

Kajian ini menumpukan perhatian terhadap aspek struktur ayat yang juga merupakan satu komponen daripada skema pemarkahan kertas peperiksaan peringkat ‘O’. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat keberkesanan Penilaian untuk pembelajaran terhadap pembelajaran dan pengajaran kemahiran menulis khususnya aspek pembinaan struktur ayat.

Aspek pembinaan struktur ayat ini merupakan aspek yang sukar ditangani pelajar. Pelajar sedar akan kelemahan dalam aspek bahasa namun, kurang jelas akan tindakan yang perlu diambil. Penilaian untuk Pembelajaran merupakan satu kaedah yang sesuai untuk digunakan kerana kaedah ini memerlukan aspek-aspek pembelajaran. Hal ini membolehkan guru memantau dengan lebih terperinci. Di samping itu, terdapat pelbagai strategi penilaian yang boleh digunakan dan dipelbagaikan oleh guru untuk disesuaikan dengan pembelajaran. Dalam kajian ini, guru menggunakan strategi senarai semak atau lapor balik untuk membimbing pelajar meningkatkan kemahiran pembinaan ayat mereka. Analisis kuantitatif dan kualitatif akan dijalankan untuk menilai keberkesanan kaedah Penilaian untuk pembelajaran dan juga, teknik senarai semak dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu.

## TUJUAN KAJIAN

Matlamat utama kajian ini adalah untuk:

1. melihat keberkesanan penerapan Penilaian untuk Pembelajaran (AFL);  
dan
2. meningkatkan kemahiran menulis ayat pelajar.



## **PERNYATAAN MASALAH**

Markah bagi komponen Kertas 1 mempunyai timbangan markah sebanyak 30% daripada keseluruhan kertas Bahasa Melayu 1148. Justeru, untuk mencapai kecemerlangan bagi kertas Bahasa Melayu, pelajar perlu mendapat markah yang baik bagi komponen kertas 1 ini.

Bilangan pelajar yang menghadapi masalah dalam aspek bahasa lebih tinggi berbanding bilangan pelajar yang menghadapi masalah dalam aspek isi. Ini dapat dilihat daripada pembahagian markah yang diperoleh. Markah purata bagi bahasa yang diperoleh sampel pelajar hanya 10-11 markah atau 50-55%.

Di samping itu, pelajar mempunyai kesedaran bahawa mereka lemah dalam aspek bahasa dan isi. Mereka juga mempunyai pemahaman akan skema bagi bahasa terbahagi kepada tatabahasa, ayat dan kosa kata. Mereka juga mempunyai pengetahuan asas tentang pembentukan ayat dan pengumpulan kosa kata. Namun, keupayaan berbahasa ini amat terhad dan tidak dapat diaplikasikan dalam penulisan mereka. Justeru, guru berasa prihatin dan terdorong untuk menggunakan kaedah Penilaian untuk Pembelajaran ini untuk merangsang pemahaman pelajar dan membimbing mereka meningkatkan kemahiran mereka menilai tahap keupayaan sendiri.

## **KAJIAN LEPAS**

Sejauh ini, belum terdapat kajian khusus dalam bahasa Melayu yang dijalankan mengenai Penilaian untuk Pembelajaran di pusat pengajian tinggi negara maupun di negara jiran, Malaysia. Namun, kajian tentang Penilaian untuk Pembelajaran amat rencam di Barat.

Penilaian untuk Pembelajaran mula dikenali ramai dengan kajian yang dijalankan Paul Black dan Dylan William di King's College di London. Kajian '*Inside the Black Box*' ini diterbitkan pada tahun 1998 dan bertujuan untuk meningkatkan standard Pembelajaran melalui penilaian kelas. Bertitik tolak daripada prinsip bahawa pembelajaran dipandu oleh tindakan guru dan pelajar di kelas, Penilaian untuk Pembelajaran mendukung kepercayaan bahawa pengajaran dan pembelajaran haruslah bersifat interaktif. Kajian ini mendapat

bahawa jika Penilaian untuk Pembelajaran dijalankan secara berkesan, ia dapat meningkatkan pencapaian pelajar, terutama pelajar keupayaan rendah. Kedua, terdapat banyak faktor yang menghambat perkembangan penilaian seperti terlalu banyak penekanan terhadap ujian-ujian yang terlalu fokus pada markah dan ketiga, terdapat banyak peluang bagi sekolah memanfaatkan pengajaran mereka untuk membentuk prosedur penilaian mereka sendiri. Perbincangan, pemerhatian, pemarkahan tugas merupakan saluran komunikasi yang membuktikan pemahaman pelajar tetapi perlu dibentuk untuk dijadikan alat mengajar yang interaktif.

Menurut Black dan William lagi, penilaian pelajar merupakan satu keperluan. Dalam sesuatu pembelajaran, strategi lapor balik berupaya mengenal pasti matlamat yang diinginkan, menunjukkan tahap pembelajaran pelajar dan memberi pemahaman tentang cara mencapai matlamat tersebut. Dapatkan ini sejajar dengan dapatan kajian yang ada yang menyatakan bahawa pembelajaran ilmu baru perlu disimilasi dengan ilmu lama. Justeru, pelajar harus dilatih penilaian kendiri agar mereka faham matlamat utama pembelajaran dan tindakan yang perlu diambil untuk mencapai matlamat tersebut.

Willis (2011) dalam kajiannya akur tentang keberkesanan maklum balas sekiranya maklum balas itu dijalankan dengan teliti. Hal ini dapat meningkatkan kesedaran para pelajar tentang pencapaian dan kemampuan mereka. Hal ini pasti akan memotivasi mereka untuk meningkatkan prestasi akademik mereka. Maklum balas mengenai pengajaran guru juga mampu mempertingkatkan proses pengajaran guru kerana mereka akan lebih tahu tentang keberkesanan penyampaian dan peralatan yang digunakan guru di samping membina hubungan yang lebih sihat dan efektif di antara pelajar dan guru.

Burnett dan Mandel (2010) pula mendapati bahawa strategi maklum balas bukanlah penyelesaian muktamad terhadap permasalahan pencapaian akademik tetapi merupakan salah satu penyelesaian yang amat berkesan, dan akan lebih berkesan jika ia diselaraskan dengan proses pengajaran yang efektif. Hattie dan Timperley (2007) berpendapat bahawa lapor balik lebih berkesan daripada pujian semata. Kajian menyimpulkan bahawa maklum balas bagi pelajar berusia muda harus lebih bersandarkan kebolehan pelajar sementara



maklum balas bagi pelajar dewasa harus lebih bersandarkan pada usaha pelajar. Bagi Plank, Dixon dan Ward (2014) pula, lapor balik bukan sahaja daripada guru untuk pelajar tetapi juga daripada pelajar untuk guru. Lapor balik sedemikian akan lebih bermakna sekiranya guru bersikap terbuka demi memperbaik pengajaran mereka kerana akhirnya apa yang dipelajari pelajar dalam sesebuah bilik darjah ialah kesan daripada pengajaran mereka.

Selain itu, Colthorne, Chen dan Zimbardi (2014) juga telah mengetengahkan peranan maklum balas rakan sebaya teman pelajar juga boleh memperbaik pembelajaran pelajar. Jelas, strategi lapor balik dalam Penilaian untuk Pembelajaran mampu memberikan kesan yang memberangsangkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

## KAEDAH KAJIAN

Sampel kajian ini merupakan pelajar Menengah 3 Ekspres (5 orang pelajar) dan Menengah 3 Normal (A) (8 orang pelajar). Prestasi mereka dalam penulisan (kertas 1) adalah seperti berikut:

Jadual 1: Markah Pelajar Menengah 3 Ekspres

Bil	Pelajar	Markah bahasa 1 20	Markah bahasa 2 20
1	Pelajar 3E1	e	10
2	Pelajar 3E2	10	12
3	Pelajar 3E3	12	14
4	Pelajar 3E4	7	8
5	Pelajar 3E5	11	12
	Purata	9.6	11.2

**Jadual 2: Markah Pelajar Menengah 3Normal (A)**

Bil	Pelajar	Markah bahasa 1 20	Markah bahasa 2 20
1	Pelajar 3NA 1	14	15
2	Pelajar 3NA 2	7	8
3	Pelajar 3NA 3	8	9
4	Pelajar 3NA 4	8	10
5	Pelajar 3NA 5	15	15
6	Pelajar 3NA 6	10	11
7	Pelajar 3NA 7	10	11
8	Pelajar 3NA 8	8	9
Purata		10	11

Markah purata karangan bahagian B bagi Menengah 3 Ekspres ialah 19.6 dan 21.5 bagi Menengah 3 Normal (A).

### Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah maklum balas yang merupakan satu strategi Penilaian untuk Pembelajaran. Strategi ini menjadi pilihan kerana mudah dijalankan dan soalan yang diajukan mudah dipelbagaikan untuk menepati tujuan. Kaedah maklum balas juga memberi peluang kepada guru untuk memantau pemahaman pelajar. Borang maklum balas yang baik berupaya menyampaikan pelbagai maklumat penting kepada guru mengenai pemahaman dan seterusnya kemajuan pelajar.

### Prosedur Kajian

Masa bagi kajian ialah kira-kira 8 masa. Langkah pertama ialah pengumpulan data untuk dijadikan analisis kualitatif. Latar belakang pelajar, persekitaran dan sokongan daripada pihak lain dari sekolah merupakan faktor-faktor penting yang menyumbang terhadap perkembangan pembelajaran pelajar. Markah SA pelajar pula dijadikan kayu ukur tahap keupayaan pelajar. Borang soal-selidik mengenai latar belakang dan penggunaan bahasa Melayu akan diberikan kepada pada pelajar. Tujuannya adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang dan sokongan yang mereka dapati daripada pihak lain selain daripada sekolah.



Langkah kedua ialah penerangan rubrik kepada pelajar. Rubrik yang disediakan perlu jelas dan ringkas agar pelajar dapat memahami matlamat pengajaran. Melalui rubrik, pelajar dapat mengetahui tahap keupayaan mereka dan berusaha untuk meningkatkan tahap tersebut ke tahap yang lebih tinggi. Borang maklum balas pula akan diberikan kepada pelajar selepas setiap pengajaran.

Langkah pengajaran pula terbahagi kepada empat tahap utama. Pada tahap pertama atau pengajaran pertama, guru memastikan pelajar dapat mengenal pasti empat jenis ayat. Tahap kedua, guru memastikan pelajar mempunyai kemahiran membina keempat-empat jenis ayat tersebut. Seterusnya, guru menambah kemahiran murid dengan ilmu menukar ayat penyata kepada ayat-ayat tanya, seru dan perintah. Kemahiran ini perlu memandangkan salah satu kriteria skema pemarkahan aspek bahasa ialah kepelbagaian ayat. Pelajar perlu dilengkapi dengan kemahiran menulis pelbagai jenis ayat, pelbagai bentuk ayat dan pelbagai ragam ayat. Namun, tumpuan kajian adalah kepada aspek kepelbagaian jenis ayat sahaja.

Borang lapor guru akan diberikan pada setiap akhir pengajaran. Maklumat yang diperoleh dari borang maklum balas ini amat penting bagi guru bukan sahaja untuk memantau pembelajaran pelajar, tetapi juga menilai pengajaran mereka sendiri. Guru harus prihatin jika peratusan pelajar yang tidak atau kurang memahami agak tinggi. Kaedah pengajaran perlu disemak dan alat bantu mengajar yang lebih efektif perlu digunakan. Yang jelas, guru perlu mengambil tindakan proaktif untuk memastikan perkembangan pembelajaran pelajar-pelajarnya. Tahap terakhir merupakan tahap penilaian. Pelajar akan menghasilkan karangan lengkap. Selepas itu, pelajar akan diberi peluang menilai karangan rakan mereka dengan menggunakan borang maklum balas. Penilaian rakan sebegini memainkan peranan penting dalam pembelajaran kerana ia menguji pemahaman pelajar.

### Jadual 3: Jadual Perancangan Kajian

Langkah	Aktiviti	Butiran	Jangka masa
1	Persiapan kajian	1. Menyediakan lakaran Kertas Kerja 2. Menyiapkan dokumen kajian a) Rancangan pengajaran (6 masa) b) Bahan-bahan pengajaran c) Rubrik Holistik d) Borang maklum balas pelajar e) Borang maklum balas guru	1.5 bulan
2	Pengumpulan Data	1. Soal-selidik Pra kajian 2. Markah SA1 pelajar	
3	Proses kajian	1. Pengajaran 1 (Mengenal pasti jenis ayat) 2. Pengajaran 2 (Membina empat jenis ) 3. Pengajaran 3 (Menukar jenis ayat) 4. Pengajaran 4 (Menulis karangan)	2 masa 2 masa 2 masa 2 masa
4	Penganalisisan Data	Menganalisis dapatan - Analisis kualitatif - Analisis Kuantitatif	1 minggu

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini telah mengetengahkan beberapa dapatan yang penting. Dapatkan kajian yang menjadi keprihatinan guru ialah borang soal-selidik pra-penilaian untuk Pembelajaran. Kajian menunjukkan bahawa pelajar jarang menggunakan bahasa Melayu semasa bertutur di rumah. Walaupun 53% daripada pelajar mengatakan bahawa mereka selalu menggunakan bahasa Melayu semasa bertutur dengan nenek dan datuk mereka, terdapat juga keadaan di mana mereka tinggal di tempat yang berlainan. Bahasa Inggeris merupakan bahasa komunikasi yang utama bagi hampir 100% pelajar. Begitu juga dengan peratusan pelajar yang membaca bahan bacaan Inggeris. Ini berbanding dengan 23% pelajar yang selalu atau kerap membaca bahan bacaan Melayu. Bagi kegiatan menulis pula, semua pelajar kajian (100%) menulis dalam bahasa Melayu hanya apabila diberi tugas oleh guru. Faktor keterpaksaan amat jelas di sini.

Bagi sudut sokongan sampingan pula, 28.5% pelajar sangat setuju yang mereka menerima galakan daripada ibu bapa mereka. 57% setuju dan



14.2% mengatakan bahawa ibu bapa mereka tidak menggalakkan mereka langsung. Hanya 35.7% orang ibu bapa memaksa anak mereka membaca dan hanya 28.5% yang sering memberikan bahan bacaan Melayu bagi anak-anak mereka. 92.8% orang pelajar yakin bahawa mereka dapat meningkatkan pencapaian mereka dalam bahasa Melayu jika mereka mendapat sokongan daripada keluarga mereka, khususnya ibu bapa.

Kajian lepas telah membuktikan bahawa terdapat hubungan yang erat antara sokongan keluarga dengan pencapaian pelajar. Ternyata, ibu bapa harus memainkan peranan yang lebih besar dalam menggalak, mendorong dan memastikan anak-anak mereka mementingkan kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris. Sikap berat sebelah mereka ini mempunyai impak yang mendalam terhadap sikap, pemikiran dan persepsi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu.

Seterusnya, dapatan kajian membuktikan, dengan adanya rubrik holistik yang disediakan dan penerangan yang jelas, pelajar memahami matlamat pengajaran dengan jelas (50% amat setuju dan 50% setuju). Rubrik yang menunjukkan tahap-tahap pencapaian pelajar juga membantu pelajar memahami tahap pencapaian mereka (62.5% amat setuju 37.5% setuju). Di samping itu, rubrik juga menonjolkan aspek-aspek kelemahan pelajar. Dengan ini, pelajar dapat mengenal pasti kelemahan mereka (87.5% amat setuju 12.5% setuju) dan selanjutnya bertindak untuk mengatasi kelemahan tersebut. Hal ini membantu pelajar mencapai matlamat pengajaran mereka (100% setuju). Jelas, kajian ini membuktikan bahawa rubrik merupakan alat berkesan untuk meningkatkan pembelajaran pelajar (25% amat setuju 62.5% setuju dan 12.5% tidak setuju).

Dari sudut maklum balas guru, 100% orang pelajar berpendapat maklum balas guru berupaya membina pemahaman mereka tentang pengajaran guru. Maklum balas guru juga dapat memberitahu kelemahan/ kekuatan mereka (62.5% amat setuju 37.5% setuju). Dengan maklum balas tersebut, pelajar dapat memperbaik kelemahan mereka dan seterusnya meningkatkan prestasi mereka (87.5% amat setuju 12.5% setuju). Secara tuntas, Lapor balik guru amat berguna dan berkesan dalam pembelajaran (75% amat setuju 25% setuju).

Dari sudut maklum balas pelajar pula, pelajar (37.5% amat setuju 62.5% setuju) berpendapat bahawa ruang lapor balik tersebut memberi pelajar kesempatan untuk memberi komen tentang guru atau pengajaran guru. Ruang tersebut juga membolehkan pelajar untuk memberi saranan-saranan untuk membuat pembelajaran mereka lebih menarik (37.5% amat setuju 62.5% setuju) dan lebih berkesan (75% amat setuju 25% setuju). Yang penting, pelajar merasakan bahawa ruang maklum balas pelajar ini menjadikan mereka lebih terlibat dalam pembelajaran (75% amat setuju 25% setuju) dan keterlibatan ini merangsang peningkatan dalam pencapaian mereka (37.5% amat setuju 62.5% setuju).

Akhir sekali, markah purata ujian karangan Penilaian untuk Pembelajaran bagi Menengah 3 (Ekspres) juga menunjukkan peningkatan; dari 9.6 mata kepada 11.2 mata bagi Menengah 3 (Ekspres) dari 10 mata kepada 11 mata bagi Menengah 3 Normal (A). Walaupun peningkatan tersebut agak kecil, guru mengambil kira bahawa kajian ini hanya tertumpu kepada aspek kepelbagaiannya jenis ayat. Kemahiran menulis pelbagai bentuk ayat, aspek kosa kata dan penanda wacana tidak dikenal pasti. Saranan pengkaji adalah untuk menjalankan Penilaian untuk Pembelajaran secara terperinci bagi setiap aspek bahasa. Pengkaji yakin, jika pembelajaran dilanjutkan seterusnya, pasti pelajar akan menunjukkan kemajuan yang lebih memberangsangkan.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa penerapan Penilaian dalam Pembelajaran (AFL) dalam pembelajaran berkesan dalam meningkatkan kemahiran menulis pelajar. Seperti disebutkan, walaupun peningkatan itu kelihatan agak kecil, Pengkaji yakin, jika pembelajaran dilanjutkan seterusnya untuk melibatkan aspek-aspek bahasa yang lain, pasti pelajar akan menunjukkan kemajuan yang lebih memberangsangkan.

Bagi pengkaji, yang amat penting ialah pengkaji mendapati bahawa terdapat kebenaran pada kenyataan bahawa pelajar mungkin berpendapat mereka tahu atau faham sesuatu pengajaran namun sebenarnya pemahaman mereka kurang tepat. Guru hanya dapat mengenal pasti kekurangan tersebut jika guru menjalankan penilaian yang kerap semasa pembelajaran. Yang



jelas, kemungkinan besar, pelajar itu sendiri tiada kesedaran yang mereka mempunyai pemahaman yang kurang tepat.

Kedua, pengkaji amat teruja dengan kesungguhan pelajar untuk ‘menguasai’ pembelajaran mereka. Pelajar berasa lebih yakin apabila mereka diberi kuasa untuk memantau pembelajaran mereka. Mereka menjadi lebih terlibat dan kajian lepas telah pun membuktikan bahawa penglibatan pelajar dalam pembelajaran ialah satu proses pembelajaran yang amat berkesan dalam peningkatan pencapaian pembelajaran. Yang terakhir, kajian ini menekankan akan pentingnya matlamat. Matlamat yang jelas, kecil atau besar, benar-benar dapat membantu pelajar bergerak atas landasan yang betul setiap masa. Pelajar juga mempelajari akan pentingnya menyemak kemajuan mereka dan seterusnya terdorong untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Hal ini juga memudahkan guru untuk menghulurkan bantuan yang diperlukan sahaja. Menurut pelajar, bantuan sebegini yang amat diharapkan bukan kelas tambahan yang memakan masa.

Natijahnya, Penilaian untuk Pembelajaran ini bukan sahaja mampu meningkatkan pencapaian pelajar tetapi juga mewujudkan persekitaran yang positif untuk pembelajaran. Di samping itu, pelajar juga dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran penting seperti menilai dan memantau pencapaian kendiri, mampu mengeluarkan maklum balas yang positif dan memberangsangkan serta berupaya memikirkan tindakan yang wajar diambil untuk mengatasi kelemahan mereka. Kemahiran-kemahiran ini memainkan peranan penting dalam perkembangan pembelajaran pelajar.

## RUJUKAN

- Burnett, P.C & Mandel, V. (2010). Praise And Feedback In The Primary Classroom : Teachers' And Students' Perspectives. *Dalam Australian Journal Of Educational & Developmental Psychology*. Vol 10, Mukasurat 145-154
- Hattie. J & Timperley, H. (2007). The Power Of Feedback. *Dalam Review Of Educational Research*. Vol. 77, No. 1, Mukasurat. 81–112. Doi: 10.3102/003465430298487
- Plank, C., Dixon, H., & Ward, G. (2014). *Student Voices About The Role Feedback Plays In The Enhancement Of Their Learning*. Dalam Australian Journal Of Teacher Education, Vol. 39, Isu 9 Artikel 7
- Colthorpe, K., Chen, X., & Zimbardi, K., (2014). *Peer Feedback Enhances A “Journal Club” For Undergraduate Science Students That Develops Oral Communication And Critical Evaluation Skills*. Dalam Journal Of Learning Design, Vol. 7 No. 2 Isu Khas : Science Education
- Mcgrath, A.L, Tayor, A., Pychyl, T.A. (2011). *Writing Helpful Feedback: The Influence Of Feedback Type On Students’ Perceptions And Writing Performance*. Dalam The Canadian Journal For The Scholarship Of Teaching And Learning, Vol. 2, Isu 2, Artikel 5
- Willis, J.E. (2011). *Towards Learner Autonomy : An Assessment For Learning Approach* Dihantar Untuk Pencalonan Kedoktoran Di Centre For Learnin Innovation, Faculty Of Education, Queensland University Of Technology

